

Air kumbahan dibuang ke longkang, sungai

Kami tak tahan!

>> Oleh Syanty Octavia Amry
soctavia@hmetro.com.my

GOMBAK: "Setiap pagi kami menahan bau busuk akibat sikap tidak bertanggungjawab melepaskan air kumbahan ke longkang dan sungai berhampiran," kata Jalaluddin Jabar, 46, mengenai bau busuk di kawasan tempat ting-

galnya sejak setahun lalu.

Berikutan laluan longkang terletak berhampiran rumahnya, dia anak-beranak tertekan sehingga terpaksa menutup pintu rumah setiap masa bagi mengelak bau busuk itu.

Tinjauan Metroplus mendapati air sungai berhampiran kotor dan berwarna kehitaman akibat pembuangan sisa kumbahan, malah air sungai juga berbuih akibat kotoran disalurkan ke situ.

>LIHAT MUKA 2



KOTOR...Jalaluddin menunjukkan air kumbahan dari longkang bercampur dengan Sungai Gombak.

Buang 2 kali seminggu

Penduduk sakit hidung hidu bau busuk setiap hari

>DARI MUKA 1

Bukan itu saja, longkang berhampiran rumah seorang penduduk juga tercemar dengan bau kurang menyenangkan disebabkan longkang terbabit tidak bertutup.

Menurutnya, walaupun pihak terbabit melepaskan sisa kumbahan itu dua kali seminggu, namun bau menjadi semakin kuat.

"Pada mulanya saya tertanya-tanya dari mana datang bau busuk ini setiap kali ia menerpa sehingga menyakitkan hidung, lebih menyakitkan apabila musim hujan, bau semakin kuat.



JALALUDDIN...longkang hitam

kitkan apabila musim hujan, bau semakin kuat.

"Setiap hari saya cuba mencari punca sehingga terlihat longkang hitam dan ada kalanya berkepul-kepul," katanya.

Disebabkan tiada tempat mengadu Jalal hanya melihat tingkah laku pihak terbabit yang mendakwa kontraktor dilantik pihak berkuasa berkaitan bagi mengawal sistem kumbahan berdekatan.

Penduduk, Idaroyani Tahar, 39, berkata sejak 30 tahun menetap di situ pelbagai masalah sering berlaku, namun masalah bau busuk paling



BUSUK...Idaroyani menunjukkan longkang di belakang rumahnya yang tercemar.

mengecewakan kerana tiada pihak tampil membantu.

"Jangan disebabkan kami tinggal di kawasan perkampungan masalah ini dipan-

dang remeh, kami juga mahukan kehidupan selesa.

"Selama ini kami berdiam diri apabila sisa kumbahan dilepaskan di kawasan sungai

berhampiran, tetapi apabila ia turut mengganggu longkang kecil di kawasan rumah

ia seolah-olah mencemar kehidupan kami," katanya.